

# Anak peneroka cemerlang di Kolej Shahputra

KUANTAN 28 April – Seorang anak peneroka dari Felda Neram 1, Kemaman, Terengganu muncul pelajar terbaik kursus Diploma Pengurusan Perniagaan Universiti Putra Malaysia (UPM) di Kolej Shahputra di sini hari ini.

Roskamaazlira Jusoh, 28, berjaya mencatat Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.825 sepanjang pengajiannya di kolej berkenaan sejak tiga tahun lalu.

Menurut anak keempat daripada enam beradik itu, dia tidak menyangka akan muncul sebagai pelajar terbaik walaupun dia sememangnya bertekad belajar bersungguh-sungguh.

“Saya memang nekad untuk belajar bersungguh-sungguh apabila diberi peluang untuk melanjutkan pelajaran di kolej ini kerana saya telah bekerja sebelum ini.

“Ini kerana selepas memperoleh Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 1998 saya tidak berpeluang untuk melanjutkan pelajaran di mana-mana institut pengajian tinggi,” katanya kepada pemberita selepas Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang



**ROSKAMAAZLIRA**

kursus UPM hari ini.

Pada majlis tersebut, Pengerusi Jawatankuasa Dakwah Islamiah, Perpaduan dan Badan Bukan Kerajaan Pahang, Datuk Mohd. Sahfri Abdul Aziz merasmikan majlis berkenaan.

Ahli Lembaga Pengarah Kolej Shahputra, Idham Abdul Karim turut hadir.

Seramai 57 pelajar cemerlang yang memperoleh PNGK 3.5 ke atas dipilih sebagai penerima anugerah dan layak mendapat Anugerah Dekan.

Menurut Roskamaazlira, dia yang sememangnya memasang impian untuk melanjutkan pelajaran amat bersyukur apabila diberi peluang oleh majikannya untuk melanjutkan pengajian di peringkat diploma.

“Mula-mula memang sedikit terasa kerana tidak berpeluang sambung belajar. Namun, apabila majikan tawarkan peluang ini kepada saya, saya terus bersetuju.

“Tambahan pula yuran pengajian saya ditanggung sepenuhnya oleh majikan,” katanya yang bekerja sebagai kerani di Tenaga Nasional Berhad (TNB).